



## KENYATAAN MEDIA

### MIROS-APM PERKUKUH KERJASAMA UNTUK PEMERKASAAN PENGURUSAN PASCA KEMALANGAN

---

**KAJANG, 8 JULAI 2021** – Pengurusan pasca kemalangan di Malaysia dianggap berada di tahap yang baik meskipun beberapa sektor di dalam ekosistem pengurusannya masih terbuka kepada penambahbaikan selaras dengan kaedah termaju. Tanda aras sejagat ini disimpulkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai “jam emas” atau “*the golden hour*” yang memperincikan bagaimana kecekapan menguruskan kecederaan seperti kehilangan darah akibat kemalangan harus ditangani dengan pantas terutamanya di jam yang pertama sejurus nahas berlaku.

Ketersediaan ekosistem dan isu-isu menarik berkaitan subjek pasca kemalangan ini telah dikongsi semasa webinar pertama hasil kerjasama MIROS dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) pada Isnin yang lalu. Webinar ini yang berlangsung sebagai acara pembuka atau pra-persidangan kepada Persidangan Keselamatan Jalan Raya ASEAN (CARS 2021) yang ketiga anjuran MIROS, turut disertai oleh agensi-agensi utama pasca kemalangan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Webinar sulung MIROS-APM ini turut membawakan tema khas lain iaitu kes kebakaran akibat nahas yang diperincikan oleh pakar-pakar dari Sweden, iaitu Research Institute of Sweden (RISE), Swedish Fire Department, dan syarikat pembekal teknologi kebakaran yang turut menaja webinar ini, Dafo Vehicle Fire Protection.

Duta Sweden ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dag Juhlin-Dannfelt, yang menjadi pelopor awal kepada penganjuran webinar ini berkata, kerjasama antara dua negara dapat dipertingkatkan lagi untuk kemajuan keselamatan jalan raya dengan adanya kepakaran dari Sweden. Beliau yang turut merasmikan webinar di awal majlis turut

memperincikan perkembangan teknologi untuk menangani bencana susulan seperti kebakaran dan lain-lain lagi.

Selain itu, Ketua Pengarah MIROS, Penolong Pesuruhjaya Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim turut menambah bahawa MIROS sebagai peneraju penyelidikan keselamatan jalan raya di Malaysia sedia untuk menjadi pemangkin kepada pengumpulan maklumat dan analisis di dalam satu kerjasama erat dengan semua agensi terbabit seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), MERS 999, serta badan-badan swasta dan NGO.

“Mungkin ada keperluan untuk kita berdikit-dikit dalam memperkasakan pengurusan pasca kemalangan di Malaysia, sama ada dari segi teknikal seperti kehadiran kereta hibrid atau elektrik sepenuhnya yang menggunakan bateri, atau pun kaedah panggilan automatik melalui sistem kenderaan. Begitu juga dengan sektor pengangkutan bahan berbahaya yang popular sebagai *Hazardous Material Unit Team* (HAZMAT), seperti yang telah diperincikan oleh pegawai JBPM di dalam webinar tersebut”, tambah Dr. Khairil.

Sila klik pautan berikut <https://fb.watch/v/2Xb-Ap-RU/> untuk menonton semula video webinar yang bertajuk *The Aftermath of Road Crashes : Post Crash and Firefighting Management*.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)